

### 1. RY01 – Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Kepujian) (Teknologi Makanan)

Program ini direkabentuk khusus untuk menyediakan pelajar dengan kurikulum yang menumpukan kepada asas pengetahuan dan kemahiran praktikal dalam bidang teknologi kejuruteraan kimia dengan pengkhususan berhalatujukan kepada bidang teknologi makanan. Asas teknologi kejuruteraan kimia dijadikan sebagai landasan bagi memastikan graduan yang dilahirkan berinovasi ke arah pembangunan sumber makanan, produk dan proses baharu yang lebih berkualiti dan selamat di samping kecemerlangan dalam akademik, bersifat holistik, berkemahiran dan mempunyai nilai jati diri yang tinggi. Struktur kurikulum yang dirangka dengan kandungan makmal melebihi 50% dan latihan industri selama 6 bulan di akhir semester pengajian juga mampu meningkatkan peluang pelajar untuk diserap terus sebagai pekerja di industri terlibat.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Teknologis Profesional/Pegawai Proses
- Penyelia Makmal
- Teknologis Profesional/Pegawai eknologi Makanan
- Teknologis Profesional/Pegawai analisis makanan
- Teknologis Profesional/Pegawai Keselamatan dan Kesihatan
- Teknologis Profesional/Pegawai Penyelidikan (R&D)
- Teknologis Profesional/Pegawai Penguatkuasa Makanan Halal
- Teknologis Profesional/ Pegawai/ Auditor/ Perunding Keselamatan Makanan
- Teknologis Profesional/Pegawai Kimia
- Ahli Akademik
- Teknologis Profesional/Pegawai Piawaian Kualiti dan Kawalan Mutu
- Teknologis Profesional/Pegawai Pengeluaran
- Teknologis Profesional/Pegawai Alam Sekitar
- Teknologis Profesional/Pegawai Loji
- Teknologis Profesional/Pegawai Pembangunan Produk

### 2. RY11 – Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Kepujian) (Pembinaan)

Program ini direkabentuk untuk melahirkan graduan yang mempunyai kepakaran dari segi teori dan praktikal dalam bidang Teknologi Kejuruteraan Awam khususnya dalam bidang pembinaan. Para graduan akan diterapkan dengan ilmu dan kemahiran teknikal yang berpandukan kepada teknologi terkini yang memenuhi permintaan pasaran semasa. Pengetahuan dalam bidang teknologi kejuruteraan pembinaan bukan sahaja tertumpu kepada aspek teknikal sahaja malahan menitik berat aspek pengurusan serta pembangunan mampan dan mempunyai elemen teknologi hijau yang mengambil kira keperluan generasi akan datang.

Prospek pekerjaan dan karier bagi bakal graduan adalah luas kerana bidang ini sudah lama sinonim dengan pembangunan tamadun manusia. Graduan peluang memasuki alam pekerjaan di agensi-agensi kerajaan dan swasta. Mereka berpeluang berkhidmat sebagai kontraktor dalam industri pembinaan, usahawan dalam bidang pembinaan, jurutera/penyelia tapak, pegawai kesihatan dan keselamatan perkerjaan di tapak bina, pembekal produk pembinaan, pegawai penyelidik (R&D) di institusi akademik dan penyelidikan dan juga agensi kerajaan. Latihan Industri selama 6 bulan di syarikat awam dan swasta membolehkan graduan mempersiapkan diri sebelum memasuki alam pekerjaan sebenar.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Kontraktor
- Penyelia Tapak
- Pegawai Pemeriksa/ Penyelia
- Perancang Projek
- Pegawai Keselamatan dan Kesihatan
- Pereka
- Saintis Penyelidikan
- Eksekutif Jualan Teknikal
- Pegawai Makmal/ Pengujian
- Pegawai Latihan

### 3. **RY20 – Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Kepujian) (Proses Kimia Industri)**

Program ini direkabentuk untuk melahirkan graduan yang memiliki kemahiran praktikal, diterima pasaran kerja sebagai jurutera teknologi dalam pengkhususan pemprosesan kimia dalam usaha untuk memenuhi kehendak industri kimia. Program pengajian ini juga bertujuan melahirkan graduan yang memiliki tahap kefahaman yang mendalam dan menyeluruh terhadap prinsip asas sains dan teknologi kejuruteraan yang menjadi asas kepada lapangan petrokimia dan oleokimia serta mampu untuk mendalami pengetahuan dan kemahiran selaras dengan kepantasan perubahan dalam industri dan bidang tersebut. Di samping itu, program ini juga bertujuan untuk membangunkan graduan yang mempunyai kemampuan menyumbang perkhidmatan kepada masyarakat dengan mempromosi nilai-nilai etika dan profesional, memahami implikasi keselamatan serta menghayati sumber semula jadi dan alam sekitar.

Program ini dirangka secara spesifik untuk menyediakan pelajar dengan adunan teori dan kemahiran teknikal dalam disiplin-disiplin berasaskan kejuruteraan kimia khususnya dalam rekabentuk loji pemprosesan kimia yang ekonomik, selamat, dan mesra alam. Sub-bidang yang menjadi tonggak kepada rekabentuk loji adalah seperti kejuruteraan tindakbalas kimia, proses-proses pemisahan, kawalan proses dan instrumentasi, perawatan sisa loji di mana prinsip-prinsip kejuruteraan diaplikasikan dalam membangunkan sesuatu proses penukaran bahan mentah kepada barangan keperluan yang berguna kepada masyarakat. Kesemua disiplin ini diintegrasikan di dalam kurikulum pengajian teknologi kejuruteraan kimia yang menekankan latihan praktik yang intensif di samping menyediakan kemahiran berkomunikasi dan lain-lain kemahiran insaniah yang mantap. Graduan yang dilengkapi dengan kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah ini akan dapat berkhidmat dalam industri berasaskan petrokimia/oleokimia seperti penghasilan bahan api, baja kimia, farmaseutikal, polimer dan tenaga boleh diperbaharui demi menjamin kelangsungan sumber semula jadi yang lestari dan mesra alam.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Jurutera Proses
- Jurutera Pengeluaran
- Jurutera/Pegawai Alam Sekitar
- Jurutera Jualan
- Pegawai (Jurutera) Keselamatan dan Kesihatan
- Ahli Akademik
- Jurutera Kimia
- Jurutera Bidang Minyak/Gas
- Jurutera/Pegawai R&D
- Jurutera Loji
- Jurutera/Pegawai Kawalan Kualiti/Piawaian

### 4. **RY21 – Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Kepujian) (Bioteknologi Industri)**

Program ini ditawarkan dengan tujuan melahirkan graduan yang memiliki kemahiran praktikal, diterima pasaran kerja sebagai juruteknologis / jurutera berkeelayakan yang berjaya dalam kerjaya serta memenuhi kehendak industri berasaskan bioteknologi. Program pengajian ini juga bertujuan melahirkan graduan yang memiliki tahap kefahaman yang mendalam dan menyeluruh terhadap prinsip asas sains dan teknologi kejuruteraan yang menjadi asas kepada bioteknologi serta mampu untuk mendalami pengetahuan dan kemahiran selaras dengan kepantasan perubahan dalam industri dan bidang bioteknologi. Di samping itu, program ini juga bertujuan untuk membangunkan graduan yang mempunyai kemampuan menyumbang perkhidmatan kepada masyarakat dengan mempromosi nilai-nilai etika dan profesional, memahami implikasi keselamatan serta menghayati sumber semula jadi dan alam sekitar.

Program ini dirancang secara spesifik untuk menyediakan pelajar dengan adunan teori dan kemahiran teknikal dalam disiplin-disiplin berasaskan bioteknologi seperti mikrobiologi, teknologi penapaian dan prinsip-prinsip kejuruteraan bagi kegunaan industri bioteknologi. Kesemua disiplin ini diintegrasikan di dalam kurikulum pengajian teknologi kejuruteraan kimia yang menekankan latihan praktik yang intensif di samping menyediakan kemahiran berkomunikasi dan lain-lain kemahiran insaniah yang mantap. Graduan yang dilengkapi dengan kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah ini akan dapat berkhidmat dalam industri berasaskan bioteknologi seperti bio-bahan api, bio-farmaseutikal, enzim, bio-bahan dan bio-tenaga demi menjamin penggunaan sumber semula jadi yang lestari.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Juruteknologis / Jurutera Proses
- Juruteknologis/ Jurutera Pengeluaran
- Pegawai Keselamatan dan Kesihatan
- Pegawai Kawalan Kualiti/Piawaian
- Pegawai Penyelidik
- Usahawan Bioteknologi
- Juruteknologis /Jurutera Kimia
- Juruteknologis / Jurutera Bioteknologi
- Pegawai Alam Sekitar
- Juruteknologis / Jurutera Jualan
- Juruteknologis / Jurutera Loji
- Ahli Akademik

#### 5. **RY31 – Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kepujian) (Kuasa Industri)**

Program ini tertumpu kepada bidang sistem kuasa industri. Pelajar yang mengikuti kursus ini akan mempelajari keseluruhan operasi dalam sistem kuasa merangkumi sistem penjaanaan, penghantaran dan pengagihan kuasa. Selain itu, kursus ini turut meliputi mesin elektrik, pengoperasian pencawang, sistem pengatur, kawalan motor dan pengawal mesin PLC. Secara umumnya, bidang kuasa industri mempunyai skop yang luas terutamanya di dalam bidang operasi dan penyelenggaraan motor berkuasa tinggi dan sistem pengagihan kuasa domestik.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Jurutera Pengeluaran
- Jurutera Penyelenggaraan Elektrik
- Jurutera Projek
- Jurutera M&E
- Jurutera Perkhidmatan Elektrik
- Jurutera R&D
- Jurutera Pengujian
- Jurutera Kawalan Kualiti

#### 6. **RY32 – Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kepujian) (Teknologi Robotik dan Automasi)**

Program ini adalah bidang gabungan pelbagai disiplin yang merangkumi disiplin kejuruteraan elektrik, mekanikal, elektronik, kawalan, dan komputer yang mana membolehkan graduan memiliki gabungan pengetahuan teori dan praktikal yang baik bagi sistem mekatronik bersepadu dalam memenuhi keperluan industri robotik dan automasi. Kurikulum program ini direkabentuk untuk menghasilkan graduan profesional yang dibekalkan dengan kemahiran analisis dan berupaya untuk bekerja dalam industri dan semua bidang kejuruteraan multi-disiplin.

Sebagai tambahan kepada asas dalam konsep mekatronik, pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Teknologi Robotik dan Automasi) mempelajari topik-topik terkini dan berkaitan untuk kelestarian teknologi semasa. Persekitaran pembelajaran juga adalah lebih bersaing dan menyeronokkan dengan gabungan teknologi-teknologi terkini.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Jurutera Elektrik
- Jurutera Pengeluaran
- Jurutera Penyelenggaraan dan Peralatan
- Jurutera Projek
- Jurutera M&E
- Jurutera Elektronik
- Jurutera Rekabentuk
- Perunding Teknikal
- Pegawai Keselamatan & Kesihatan Perkerjaan, Alam Sekitar
- Jurutera Perkhidmatan Elektrik
- Jurutera Penyelenggaraan Elektrik
- Jurutera R&D
- Jurutera Pengujian
- Jurutera Kawalan Kualiti
- Jurutera Perkakasan Elektronik
- Jurutera Jualan
- UsahawanTekno
- Pendidik / Ahli Akademik / Vocational Training Officer

## 7. **RY40 – Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Kepujian) (Sistem Elektronik)**

Program ini dibangunkan dengan tujuan untuk menyediakan pelajar dengan pemahaman menyeluruh teori dan praktikal di dalam bidang elektronik, terutamanya di dalam proses fabrikasi mikroelektronik. Program ini juga memberikan peluang yang luas untuk pelajar mengaplikasikan pengetahuan ini di dalam beberapa kursus dan projek-projek terancang yang secara tidak langsung menyediakan pelajar untuk menghadapi cabaran sebagai jurutera teknologi. Daripada peringkat permulaan lagi, penegasan terhadap pembelajaran berasaskan projek dan masalah (*problem and project based learning*) didedahkan kepada pelajar. Ini akan meningkatkan lagi peluang pekerjaan pelajar dengan pembangunan portfolio projek yang holistik dan lengkap. Pelajar akan menggunakan fasiliti terkini termasuk makmal bersih, makmal analisa kegagalan dan makmal pembungkusan semikonduktor.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Jurutera Proses (Fotolitografi)
- Jurutera Proses (*Etching*)
- Jurutera Proses (*CMP*)
- Jurutera Analisa Kegagalan
- Jurutera Pengeluaran
- Jurutera Kawalan Kualiti
- Jurutera R&D
- Jurutera Integrasi
- Jurutera Proses (*Diffusion*)
- Jurutera Proses (*Thin Film*)
- Jurutera Proses (Implan Ion)
- Jurutera Pengujian
- Jurutera Pemodelan Peranti
- Jurutera Penyelenggaraan dan Peralatan
- Jurutera Elektronik
- Jurutera Bilik Bersih & Keselamatan

## 8. **RY41 – Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Kepujian) (Rekabentuk Telekomunikasi Elektronik)**

Program ini menyediakan pelajar untuk kerjaya dalam industri telekomunikasi serta untuk menangani pemindahan dan keperluan pendidikan berterusan graduan dalam telekomunikasi atau bidang-bidang lain yang berkaitan. Program ini mempunyai asas yang kukuh Matematik dan Fizik, menyediakan pelbagai elektif dalam Kesenian, Sains dan Kemanusiaan dan memberi tumpuan kepada menggunakan kaedah teknologi kejuruteraan semasa ke arah penyelesaian masalah teknikal.

Graduan program ini akan terlibat di dalam program dalam industri-industri yang berkaitan dengan Sistem Telekomunikasi dan Rangkaian, Penghantaran dan sistem suis, Keselamatan dalam rangkaian komunikasi, komunikasi optik dan tanpa wayar, teknologi internet dan teknologi telekomunikasi.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Jurutera Telekomunikasi
- Jurutera Perkhidmatan
- Jurutera Pengujian
- Pegawai Latihan Vokasional
- Jurutera Penyelenggaraan
- Jurutera Perkakasan
- Jurutera Elektronik

## 9. **RY43 – Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Kepujian) (Rekabentuk Rangkaian Elektronik)**

Program ini bertujuan melahirkan siswazah yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang teknologi rangkaian komputer dan telekomunikasi. Program ini berasaskan kursus-kursus elektronik yang digandingkan dengan kursus-kursus Sistem Rangkaian Komputer dan Telekomunikasi Data. Program ini memberi pendedahan berkaitan teori dan amali sistem-sistem elektronik, isyarat dan sistem, sistem teknologi rangkaian dan telekomunikasi seperti Sistem TCP/IP Internet, Sistem Keselamatan Rangkaian dan Pemasangan serta Konfigurasi Sistem Rangkaian Komputer.

Graduan program ini akan mampu mengendalikan, membangunkan, mengintegrasikan Sistem Rangkaian Komputer dan Telekomunikasi Data serta mampu mengenal pasti masalah (*Troubleshooting*) peralatan elektronik yang berkaitan dengan Sistem Rangkaian Komputer dan Telekomunikasi Data. Program ini menekankan aspek pembelajaran dan pendekatan teori dan amali yang seimbang yang memenuhi keperluan industri. Dengan perkembangan teknologi Internet dan Telekomunikasi 4G, 5G dan seterusnya, graduan program ini juga mempunyai prospek pekerjaan yang luas dalam industri elektronik dan rangkaian komputer serta telekomunikasi data di syarikat-syarikat swasta, jabatan kerajaan dan badan-badan berkanun.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Jurutera Rangkaian
- Pentadbir Rangkaian
- Pengaturcara Perisian Terbenam
- Jurutera Pembangunan Pengujian
- Jurutera Projek Elektronik
- Jurutera Elektronik
- Pereka Penyelesaian Teknologi Awam
- Pereka Sistem Rangkaian
- Pereka Penyelesaian Teknikal
- Jurutera Perkakasan Elektronik

#### **10. RY44 – Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Kepujian) (Elektronik Bersepadu)**

Program ini akan menyediakan pelajar dengan pemahaman menyeluruh teori dan praktikal di dalam bidang elektronik, terutamanya di dalam rekabentuk litar terkamir. Program ini juga memberikan peluang yang luas untuk pelajar mengaplikasikan pengetahuan ini di dalam beberapa kursus dan projek-projek terancang yang secara tidak langsung menyediakan pelajar untuk menghadapi cabaran sebagai jurutera teknologi. Daripada peringkat permulaan lagi, penegasan terhadap pembelajaran berasaskan projek dan masalah (*problem and project based learning*) didedahkan kepada pelajar. Ini akan meningkatkan lagi peluang pekerjaan pelajar dengan pembangunan portfolio projek yang holistik dan lengkap. Pelajar akan menggunakan fasiliti terkini termasuk mesin elektrik, makmal lengkap elektronik dan komputer dengan perisian bertaraf industri.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Jurutera Rekabentuk Litar Bersepadu
- Jurutera Rekabentuk Litar Analog
- Jurutera Proses (Litar Bersepadu)
- Jurutera Alatan
- Jurutera Pengujian
- Jurutera Analisa Kegagalan
- Jurutera Elektronik
- Jurutera Pengeluaran
- Jurutera Projek
- Jurutera Kawalan Kualiti
- Jurutera R&D

#### **11. RY55 – Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian) (Pemesinan)**

Program ini menyediakan tenaga kerja yang kenalfahaman teknologi, produktif, inovatif dan kreatif serta mengamalkan nilai-nilai murni secara bersepadu supaya dapat menyumbang kepada masyarakat dan negara yang berorientasikan kepada teknologi kejuruteraan secara berkesan. Secara dasarnya, kurikulum program ini dirangka dengan menjurus kepada keperluan praktikal bagi melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi dalam bidang teknologi kejuruteraan serta memenuhi kriteria yang dikehendaki oleh pihak industri dan sektor-sektor lain yang berkaitan.

Para pelajar akan didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran dalam kursus berkaitan bidang mekanikal dan pembuatan termasuklah kursus teknologi kejuruteraan bahan, teknologi pembuatan termaju, pengurusan teknologi dan industri yang menjurus kepada bidang teknologi kejuruteraan pemesinan. Disamping itu, para pelajar juga akan didedahkan dengan kursus-kursus universiti yang menerapkan kemahiran komunikasi, berfikir dan elemen-elemen etika profesionalisma dalam kerjaya.

Bakal graduan berpotensi untuk memenuhi permintaan tinggi tenaga kerja di sektor swasta dan awam dalam bidang-bidang teknologi kejuruteraan, pengeluaran, penyelidikan dan khususnya dalam bidang-bidang yang berasaskan teknologi kejuruteraan pemesinan.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Jurutera Proses/ Pengeluaran
- Jurutera Produk
- Jurutera Alatan
- Jurutera Projek
- Jurutera Mekanikal
- Jurutera Pengujian
- Jurutera Jualan
- Ahli Akademik
- Pegawai Keselamatan & Kesihatan Perkerjaan, Alam Sekitar
- Jurutera Pemesinan
- Jurutera CAD/CAM
- Jurutera Kualiti
- Jurutera Rekabentuk
- Jurutera R&D
- Jurutera Penyelenggaraan
- Perunding Teknikal
- Usahawan

## **12.RY56 – Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian) (Sistem Pertanian)**

Program ini adalah berdasarkan teknologi dalam sistem pertanian yang bersifat lestari dan memfokus kepada integrasi teknologi dan aplikasi prinsip kejuruteraan yang digunakan dalam bidang pertanian serta amalan pengurusan perniagaan dalam industri yang berasaskan pertanian. Program ini ditawarkan bertujuan untuk melahirkan graduan tenaga profesional dalam bidang teknologi kejuruteraan yang boleh terus diambil bekerja kerana kompeten dalam mengintegrasikan teknologi dan kejuruteraan dengan konsep dan amalan pengurusan perniagaan dalam industri berasaskan pertanian. Pengajaran dan pembelajaran program pengajian secara *hands on* dilaksanakan dalam berbagai bidang seperti kejuruteraan pertanian, kejuruteraan air dan tanah, pengeluaran tanaman makanan, pengeluaran haiwan ternakan, akuakultur, agrobioteknologi dan pengurusan perniagaan. Di samping itu, kurikulumnya direkabentuk agar graduan dapat menyesuaikan diri lebih awal dengan persekitaran industri dan terus bekerja dengan industri berasaskan pertanian dan yang berkaitan dengannya.

Graduan program Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Sistem Pertanian) memenuhi keperluan tenaga kerja profesional (Jurutera Teknologi) dalam sektor industri perladangan, industri pengeluaran tanaman, ternakan dan akuakultur, pemprosesan makanan, pembuatan atau perkhidmatan dalam industri berasaskan pertanian dan makanan, pengurusan sumber asli dan pelbagai industri kecil dan sederhana berasaskan pertanian dan sumber asli di samping sektor awam, institusi penyelidikan dan badan berkanun.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Jurutera Agrikultur
- Jurutera Proses
- Eksekutif Jualan Teknikal
- Usahawan
- Jurutera Mekanikal
- Perunding Teknikal
- Jurutera/Eksekutif Kualiti/Pengujian
- Ahli Akademik

## **13.RY57 – Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian) (Pembangunan Produk) -**

Objektif program ini ialah untuk melahirkan tenaga kerja teknikal yang memiliki kemahiran tinggi serta pengetahuan asas yang kukuh di dalam bidang teknologi kejuruteraan mekanikal secara amnya dan di dalam bidang pembangunan produk secara khususnya. Program ini telah dirangka secara holistik bagi menyediakan pelajar dengan adunan pengetahuan teori dan kemahiran teknikal di dalam disiplin pembangunan produk yang berasaskan teknologi kejuruteraan mekanikal selari dengan kehendak industri. Dengan itu, ianya akan membantu melahirkan jurutera teknologis yang bertanggungjawab mengaplikasikan, menyediakan, menyelenggarakan seta membangunkan segala aspek yang berkaitan dengan teknologi kejuruteraan mekanikal yang moden.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Juruteknologi /Jurutera/Eksekutif Rekabentuk Berbantu Komputer ( CAD )
- Juruteknologi /Jurutera/Eksekutif Pembangunan Prototaip
- Juruteknologi /Jurutera/Eksekutif Pembangunan Produk
- Juruteknologi /Jurutera/Eksekutif Reka Bentuk Perindustrian
- Juruteknologi /Jurutera/Eksekutif Rekabentuk Mekanikal
- Juruteknologi /Jurutera/Eksekutif *Infotainment & Edutainment*
- Juruteknologi /Jurutera/Eksekutif Ergonomik dan Keselamatan
- Juruteknologi /Jurutera/Eksekutif Proses Pembuatan
- Juruteknologi /Jurutera/Eksekutif Rekabentuk dan Analisa
- Juruteknologi /Jurutera/Eksekutif Rekabentuk Permainan dan Montaj
- Juruteknologi /Jurutera/Eksekutif Kualiti & Pengujian
- Juruteknologi /Jurutera/Eksekutif Rekabentuk Perabot dan Teknologi
- Juruteknologi /Jurutera/Eksekutif Rekabentuk Pengangkutan dan Automasi
- Juruteknologi /Jurutera/Eksekutif Rekabentuk Produk
- Juruteknologi /Jurutera/Eksekutif dalam bidang Analisis Produk ,Jenama dan Pasaran
- Perunding Teknikal
- Ahli Akademik
- Usahawan

#### 14. **RY58 – Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian) (Pemprosesan Bahan)**

Graduan lulusan program ini akan mempunyai kemahiran untuk menghasilkan atau mengkaji bahan dengan menggunakan proses-proses terkini untuk mereplikasikan ciri-ciri bahan tersebut. Semua benda yang kita nampak dan guna adalah dibuat daripada bahan: kereta, komputer, peti ais dsb. Ciri-ciri tertentu yang diperlukan adalah hasil daripada pemilihan bahan tertentu dan kawalan proses pembuatan untuk menukarkan bahan asas kepada produk akhir. Peluang kerjaya yang luas dalam pelbagai industri yang terlibat dalam pemprosesan bahan seperti industri keluli, cakera keras komputer, gentian kaca, sarung tangan perubatan dsb.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Jurutera Proses/ Pengeluaran
- Jurutera/ Juruteknologi Bahan
- Jurutera/Eksekutif Pengujian
- Perunding Teknikal
- Jurutera/Eksekutif dalam bidang Kualiti dan Pengujian
- Jurutera Pembuatan
- Ahli Akademik
- Inspektor Kawalan Mutu
- Eksekutif Jualan Teknikal
- Usahawan